

08/02/2003

Kerajaan sedia pelan khas pastikan kesan perang terkawal

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sudah bersedia dengan pelan tindakan bagi memastikan peperangan di Iraq tidak meninggalkan kesan yang terlalu buruk terhadap ekonomi negara.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, peperangan di Teluk akan menyebabkan pelbagai gangguan seperti pergerakan orang ramai, kebimbangan

menaiki kapal terbang serta menyukarkan perdagangan di benua tertentu.

Katanya, kerajaan sudah mengkaji pelbagai senario kesan perang di Iraq dan bersedia untuk sebarang kemungkinan.

"Bagaimanapun, kita harus belajar menerima hakikat dan bersedia supaya bila ia terjadi, kita dapat menanganinya," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran E-Syariah di Hotel Marriot Putrajaya di sini semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai ucapannya semalam di depan kakitangan awam di Jabatan Perdana Menteri yang meminta kakitangan awam bersedia menghadapi kemungkinan akibat kesan peperangan yang dijangka meletus di Iraq.

Ditanya sama ada kerajaan akan melaksanakan pelan yang dirangka itu, Perdana Menteri berkata, situasi semasa tidak memaksa kerajaan bertindak demikian.

"Kita sudah menyiapkan pelan itu tetapi belum melaksanakannya berikutan

keadaan semasa tidak memaksa perubahan besar," katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui keupayaan berdagang sesetengah negara tertentu sudah berkurangan berikutan pergolakan dan ketidaktentuan ekonomi dunia.

"Tetapi kita mencari rakan perdagangan lain (bagi mengimbangnya)," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan membelanjakan wang bagi rancangan pengembangan dalam usaha merangsangkan ekonomi tetapi ia akan dilakukan dengan cara berhemat.

Katanya, ada pihak meminta perkara untuk dilakukan atau disediakan oleh

kerajaan yang mana ia di luar kemampuan kerajaan.

"Mereka meminta kerajaan membelanjakan wang. Kita akan menggunakan wang

itu untuk rancangan pengembangan bagi merangsangkan ekonomi tetapi bergantung kepada wang yang kita ada atau jumlah pinjaman yang kita boleh

dapat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan amat berhati-hati dalam setiap perbelanjaannya.

"Kita tidak mungkin dapat survive sehingga kini jika kita tidak tahu mentadbir dana kita," katanya.

Menjawab soalan mengenai sama ada kerajaan akan memantau krisis yang

di

Venezuela, beliau berkata kerajaan akan memantau perkara itu kerana Venezuela membekalkan satu pertiga keperluan minyak Amerika Syarikat.

"Jika berlaku sesuatu kepada bekalan, harga minyak akan terjejas," katanya.

Mengenai cadangan Venezuela mengikat mata wangnya pada kadar tetap dengan dolar Amerika, Dr Mahathir berkata: "Kita harap mereka berjaya.

Ia

bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan."

Dilaporkan Presiden Venezuela Hugo Chavez mengumumkan kekangan pertukaran asing bagi menyokong rizab antarabangsa dan mata wang bolivar selepas pihak pembangkang melancarkan mogok yang menjejaskan ekonomi negara itu.